

MEMARTABATKAN SYIAR ISLAM

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Bersyukurlah atas nikmat Islam yang Allah kurniakan kepada kita. Ramai orang Islam di negara ini, tanpa perlu melalui liku dan ranjau untuk mendapat hidayah yang sebenar kerana dilahirkan dalam keadaan sudah beragama Islam. Sesungguhnya, agama Islam yang dianuti ini, telah membawa satu cara hidup yang sejahtera, lengkap, dan diredai oleh Allah. Walau pun wahyu diturunkan kepada Nabi Muhammad di negara Arab, akan tetapi ajaran Islam tidak bersifat lokal atau setempat. Ia bersifat sejagat, boleh dilaksanakan tanpa mengira bangsa dan juga tempat.

Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam Surah al-Ma'idah ayat 3:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

Yang bermaksud: *Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu...*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Antara cabaran utama yang dihadapi oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ketika penurunan wahyu, ialah mengubah cara hidup masyarakat Arab Jahiliyyah yang majoriti mereka menyembah berhala. Walaupun sebelum itu, Nabi Ismail pernah membawa suluhan wahyu kepada agama Islam yang diredai Allah, akan tetapi mereka kemudiannya tunduk kepada hasutan syaitan, dengan memilih untuk hidup dalam kegelapan. Akhirnya, terbentuklah cara hidup yang rosak, seperti meminum arak, sering berperang antara kabilah, perkauman, perhambaan dan merendahkan martabat wanita dalam masyarakat.

Para salafussoleh sentiasa membuat pemerhatian terhadap kesungguhan nabi membawa syiar Islam dalam masyarakat. Semua perkara yang merujuk kepada nabi, baik kata-katanya, tindakannya, cara berpakaian, cara bermasyarakat, cara berdakwah dan akhlaknya, dirakam dalam kitab hadith dan sirah. Semua riwayat berkenaan, mencadangkan yang nabi mendidik kepada kita, supaya berbangga dengan nilai kesejagatan syiar Islam yang dibawa dalam kehidupan, tanpa perlu mengubah identiti bangsa dan negara.

Ini diterjemah oleh nabi sendiri apabila Baginda dikelilingi oleh Sahabat daripada pelbagai bangsa dan negara. Adanya Suhaib al-Rumi, Salman al-Farisi dan Bilal al-Habshi yang menjadi tonggak kekuatan awal Islam, tanpa perlu mengubah identiti bangsa mereka, tetapi mereka berbangga dengan syiar Islam. Nabi Muhammad sendiri, sebagai orang Arab,

selain hidup dengan cara hidup bangsa Arab, Baginda juga pernah dilaporkan memakai pakaian jubah Rom. Nilai kesejagatan inilah yang menjadi asas kepada perpaduan ummah.

Akan tetapi, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam juga pernah melarang orang Islam daripada menyerupai cara hidup masyarakat bukan Islam, khususnya dalam perkara-perkara berkaitan agama mereka, perbuatan maksiat atau yang bercanggah dengan nilai Islam. Dalam sepotong hadis Abu Daud yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

مَنْ تَشَبَهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ

Yang bermaksud: *Barangsiapa yang meniru perbuatan sesuatu kaum, maka ia termasuk dalam kalangan mereka.*

Para ulama menyatakan bahawa larangan meniru cara hidup orang yang tidak beriman, adalah meliputi perkara-perkara yang berkaitan dengan agama atau yang bercanggah dengan syariat Islam.

Dalam kitab Syamil Muhammadiyyah, Imam al-Tirmizi meriwayatkan hadis yang Nabi Muhammad pernah mengubah gaya dandanan rambut, berbeza semasa di Makkah dengan di Madinah. Tujuannya, supaya orang Islam tampil berbeza dengan musuh utama iaitu Musyrikin di Makkah, serta Yahudi di Madinah. Nabi berusaha untuk tidak menyerupai cara hidup mereka, walaupun dalam perkara yang membabitkan urusan dunia.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Sebagai umat Islam di Malaysia, marilah bersama-sama kita bermuhasabah, sejauh manakah kita bersungguh-sungguh membangunkan syiar Islam dalam kehidupan. Mulakanlah dengan diri sendiri. Lihatlah, bagaimana sebahagian orang Islam, lebih berbangga meniru gaya hidup bukan Islam. Ini termasuklah dalam hal berpakaian dan bersosial. Memang benar, untuk mendirikan Islam, tidak bermaksud perlu mengikut budaya Arab seperti memakai jubah semata-mata. Tetapi ini pula tidak bermaksud kita perlu meniru

atau mengutamakan cara hidup serta gaya berfikir orang Barat, sehingga berani memakai pakaian yang bercanggah dengan syariat Islam.

Begitu juga dalam urusan hiburan. Negeri kita kaya dengan aktiviti seni tempatan. Nabi mengiktiraf hak manusia untuk berhibur dengan budaya setempat, selagi mana tidak bercanggah dengan syariat Islam. Akan tetapi, sebahagian umat Islam sibuk dengan hiburan seperti nyanyian dan tarian yang dibawa dari Barat, bahkan berlumba-lumba untuk menguasainya, sehingga membabitkan percampuran lelaki dan perempuan, serta mendedahkan aurat.

Bersempena dengan semangat Syawal ini, marilah kita bersama-sama memikirkan kembali, sejauh mana kita mendirikan syiar Islam dalam diri, keluarga, masyarakat dan negara kita. Janganlah terlalu leka dengan hasutan yang menyeru ke arah gaya hidup liberal Barat yang bercanggah dengan syariat, sehingga menghanyutkan diri kita jauh daripada keredaan Allah Subhanahu wa-Taala.

Firman Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* dalam Surah Ali Imran ayat 19:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ ۗ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمْ

الْعِلْمُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ ۗ وَمَنْ يَكْفُرْ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿١٩﴾

Yang bermaksud: *Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam. Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu tidak berselisih (mengenai agama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka. Dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah amat segera hitungan hisab-Nya.*

بَارِكْ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَتَفَعَّلِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيْمُ، أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ
الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ
الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِيْنَ.